

**PENERIMAAN DAN KESEDIAAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN
DALAM KALANGAN MAHASISWA BAHARU KUIPSAS PADA MUSIM
PANDEMIK COVID-19**
(STUDENTS' ACCEPTANCE AND READINESS OF E-LEARNING AMONG
UNDERGRADUATE STUDENTS IN KUIPSAS DURING COVID-19
PANDEMIC)

NOR ZAHIDAH AHMAD^{1*}, NUR SHUHADAK ISMAIL², KHAIRUN NISAA MOHD³

¹Academy of Language Study Universiti Teknologi MARA Campus Shah Alam, 40450 Shah Alam,
Selangor

²Academy of Language Study Universiti Teknologi MARA Campus Kota Samarahan 2, 94300 Kota
Samarahan, Sarawak

³Academy of Language Study Universiti Teknologi MARA Campus Seri Iskandar, 32600 Perak

zahidahahmad@uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian tinjauan ini dijalankan dalam kalangan mahasiswa Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS). Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesediaan dan faktor penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa baharu dalam situasi pandemik COVID-19. Data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 198 responden yang terdiri daripada pelajar semester satu program asasi, diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan dan kesediaan pelajar mengikuti sistem pembelajaran secara dalam talian adalah pada tahap memuaskan. Namun, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian secara mod penuh. Kekangan kemudahan internet merupakan antara faktor utama masalah kelancaran PdP di sesetengah kawasan tempat tinggal pelajar terutama pelajar yang berada di kawasan pedalaman. Adaptasi sistem pengajian juga menjadi fokus utama dalam penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Hasil kajian juga mendapati penerimaan responden terhadap penggunaan e-pembelajaran adalah pada tahap memuaskan kerana majoriti responden memahami keseluruhan konsep dan tanggungjawab yang harus dimainkan dalam melaksanakan e-pembelajaran. Secara keseluruhan, responden menerima secara positif penggunaan e-pembelajaran bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran.

Kata kunci: Kesediaan; Penerimaan; Mahasiswa; e-pembelajaran; Pandemik

ABSTRACT

The study was conducted among students of Pahang Sultan Ahmad Shah Islamic University College (KUIPSAS). The main purpose of this study was to identify the level of readiness and acceptance factors of e-learning among new students in the COVID-19 pandemic situation. Quantitative data were collected through a questionnaire distributed to 198 respondents consisting of semester one students of foundation, diploma and bachelor's degrees levels. The results of the study found that the level of acceptance and readiness of students in following the online learning system is at a satisfactory level. Yet there are several factors that influence student acceptance in online Teaching and Learning (TnL) in full mode especially students who are staying in rural or remote areas. The adaptation of the education system was also a major

focus in students' acceptance of e-learning. A majority of respondents understand the overall concept and responsibilities that must be played in implementing a successful e-learning process. Overall, the respondents positively accepted the use of e-learning in the teaching and learning process.

Keywords: Readiness; acceptance; students; e-learning; pandemic

1. Pengenalan

Pada asasnya PdP secara dalam talian atau dikenali sebagai *online learning* dianggap sebagai alternatif kepada cara pembelajaran secara tradisional. Hal ini berlaku hasil daripada perkembangan dan kemajuan teknologi semasa. Aplikasi e-pembelajaran ini telah bermula apabila konsep pembelajaran di universiti diperluaskan melalui Pendidikan Jarak Jauh. Ini memberi peluang kepada mereka yang sedang bekerja atau ingin menambahkan lagi pengetahuan dalam pelbagai disiplin ilmu bagi perkembangan dan pembangunan kerjaya masing-masing (Rubiah & Jamilah, 2009).

Sehubungan itu, penerimaan pelajar memainkan peranan penting untuk menggunakan platform sedia ada secara dalam talian bagi merealisasikan pembelajaran sendiri (Nur Amanina & Mohd Jasmy, 2021) seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) pada anjakan ke 7 iaitu memaksimumkan penggunaan ICT bagi pembelajaran jarak jauh dan pembelajaran kadar sendiri. Menurut Abdul Halim & Adnan (2020), penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran dapat mencapai tahap produktiviti yang lebih baik dan mudah digunakan dalam proses pembelajaran. Dengan ini, penerimaan pelajar terhadap sistem e-pembelajaran mampu menjadikan proses PdP semakin efektif yang mana pelajar dapat mengakses maklumat tanpa terikat dengan masa dan tempat.

Namun, semenjak penularan wabak pandemik COVID-19 di hampir seluruh dunia, sektor pendidikan global dilihat tertumpu kepada PdP dalam talian pada setiap peringkat pengajian. Penumpuan terhadap penggunaan platform PdP ini bukan lagi dilihat sebagai sokongan kepada PdP tradisional, malah ia dianggap sebagai kaedah utama dalam memastikan proses PdP dijalankan dalam suasana terbaik bagi menghadapi ancaman pandemik ini.

Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) merupakan elemen penting dalam setiap subjek yang diajar pada setiap peringkat, bermula dari peringkat pra-sekolah sehinggalah peringkat tertier. Platform PdP secara dalam talian atau e-pembelajaran merupakan salah satu kesan dalam sektor pendidikan yang berpunca daripada kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi pada abad ke-21 ini (Abdul Halim & Mohini, 2007). Namun, pendekatan ini dilihat semakin rancak digunakan pada peringkat global dalam pelbagai bentuk perkhidmatan laman sesawang untuk menyampaikan maklumat dalam bilik darjah atau mengadakan persidangan, bual bicara dan temu ramah secara dalam talian susulan daripada penularan pandemik COVID-19 yang melanda hampir di setiap pelosok dunia. PdP pada peringkat pengajian tinggi juga menjadi antara aspek utama yang menerima impak signifikan daripada pandemik COVID-19 (Astro Awani, 2020). Oleh hal yang demikian, pentadbiran universiti mengambil langkah berhati-hati dengan mengaktifkan mod sistem pengajaran secara jarak jauh atau ODL secara penuh bagi mengawal penularan jangkitan virus COVID-19 ini. Secara umumnya, terdapat beberapa platform yang diguna pakai oleh institusi pengajian tinggi seperti Google Meet, Webex, Zoom Meeting, Microsoft Teams dan tidak terkecuali beberapa aplikasi *instant messaging* seperti WhatsApp dan Telegram bagi memudahkan komunikasi dua hala antara pensyarah dan pelajar.

2. Sorotan Literatur

E-pembelajaran menurut Rubiah dan Jamilah (2009) membawa maksud belajar dengan menggunakan teknologi iaitu satu kaedah pembelajaran baharu yang mana maklumat seperti nota dan tugas yang diperlukan oleh pelajar akan dihantar oleh ahli akademik melalui mel elektronik (e-mel) dan Compact Disc Read Only Memory (CD ROM). Abbey (2000) pula mentafsirkan e-pembelajaran sebagai arahan pembelajaran berasaskan web. Menurut Hafiza (2020) pembelajaran maya sudah mula dilaksanakan sejak 1999 yang kini lebih dikenali sebagai e-pembelajaran atau *e-learning*. Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan arus perkembangan e-pembelajaran di Malaysia mengalami kelewatan seperti tiada liputan internet yang bagus, bahan pembelajaran dan pengajaran yang terhad dan tahap kesedaran yang kurang memuaskan terhadap teknologi terkini.

Penularan virus COVID-19 memberikan impak yang besar kepada sektor pendidikan secara global. Hasil kajian yang dijalankan oleh Quacquarelli Symonds (QS) pada April 2020 terhadap para pelajar universiti, rata-rata mereka berpandangan bahawa komunikasi yang aktif antara pelajar dan pensyarah serta sistem pembelajaran universiti yang efisien dalam menyediakan maklumat pembelajaran secara efektif mampu menghasilkan sesi PdP yang berkesan. Pemahaman pelajar terhadap konsep-konsep pembelajaran atas talian perlu diberikan keutamaan. Di samping kompetensi dan kesedaran ahli akademik dalam mengendalikan PdP melalui platform e-pembelajaran dalam memastikan kelancaran proses pembelajaran. Hal ini supaya mereka bermotivasi dalam mengikuti kelas secara dalam talian semasa penularan wabak berlaku. Berikutan krisis COVID-19 yang melanda hampir di setiap benua, maka semua institusi pendidikan wajib menerima perubahan ini. Pengadaptasian pendidikan dengan teknologi moden dilihat dipraktikkan dengan meluas oleh kebanyakan universiti di seluruh dunia sama ada dari segi operasi dan pendekatan pedagogi (Dawan, 2020). Dalam menghadapi ancaman wabak ini, kualiti pendidikan bukanlah menjadi fokus utama dalam pengendalian PdP secara dalam talian, bahkan isu utama ialah bagaimana institusi-institusi akademik dapat mengadaptasi platform e-pembelajaran ini secara besar-besaran (Carey, 2020).

D. Pietro (2020) pula menghuraikan pelbagai faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Seperti yang diketahui umum, persekitaran sekolah memberi pengaruh melalui teman sebaya. Keberadaan dalam bilik darjah dan peluang untuk berinteraksi dengan rakan sekelas dapat menghasilkan unsur yang positif. Mereka dapat saling membantu melalui pelbagai cara antaranya saling memberi tunjuk ajar dan bersama-sama memperbaiki kelemahan diri. Pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi dapat memotivasikan rakan-rakan yang lain untuk lebih berdaya saing dan kompetitif melalui pelbagai platform seperti pertandingan atau pengaruh sosial.

UNESCO (2020) melaporkan bahawa sebarang perubahan digital bukan sekadar usaha yang dilakukan syarikat teknologi sahaja, malahan guru, pelajar, kerajaan, masyarakat sivil dan sektor swasta juga turut menyumbang kepada pembentukan transformasi ini. Pengadaptasian e-pembelajaran bukan sekadar isu teknikal tetapi ia juga merupakan cabaran pedagogi dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru, penyediaan yang jitu terhadap bahan pengajaran, kurikulum dan pentaksiran amat penting dalam pelaksanaan pembelajaran dalam talian. Tambahan lagi, teknologi berperanan sebagai wasilah penyampaian dan memerlukan kerjasama yang rapat antara pengajaran, kandungan dan kumpulan teknologi (Wahab, 2020).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian, antaranya ialah dipengaruhi oleh manfaat dan mudah guna yang diperoleh daripada e-pembelajaran serta penjimatan masa dan kandungan kursus yang mudah dan

bersesuaian dengan tugas (Agatha & Muhamad Suhaimi, 2016). Di samping memiliki tenaga akademik yang cemerlang dan berkelayakan, universiti harus mempunyai prasarana yang terbaik seperti bilik kuliah, makmal, perpustakaan, asrama, komputer dan pelbagai kemudahan pembelajaran yang lain (Jamilah, 2006). Selain faktor prasarana yang merupakan tulang belakang atau faktor utama dalam menjayakan e-pembelajaran, aplikasi, kaedah pembelajaran dan proses pengendalian e-pembelajaran juga turut memberi sumbangan kepada faktor kejayaan sesebuah laman atau aplikasi e-pembelajaran (Hafiza, 2020).

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji penerimaan pelajar baharu terhadap e-pembelajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta kesediaan mereka dalam mengadaptasi sistem ini dalam norma baharu. Pada masa yang sama, pengkaji ingin mengenal pasti faktor-faktor yang mendasari penerimaan pelajar dalam penggunaan platform e-pembelajaran semasa pandemik COVID-19. Sehubungan itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan beberapa pendekatan yang dapat memandu ke arah polisi pelaksanaan e-pembelajaran yang lebih efektif dan lebih bersistematik di institusi ini.

2.1. Pelaksanaan e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi di Malaysia

Kepesatan perkembangan teknologi telah mengubah landskap sistem pendidikan negara khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada di peringkat sekolah mahupun institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai kecemerlangan yang berterusan dalam sistem pendidikan tinggi. Pada lonjakan ke-9 iaitu Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global atau *Globalised Online Learning* (GOL) memberi tumpuan kepada peluasan akses pendidikan, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran di samping menawarkan pembelajaran mengikut kecenderungan individu. Selain itu, KPT menetapkan sebuah matlamat yang mana model pembelajaran bersepadu (*blended learning*) akan menjadi pendekatan pedagogi utama bagi semua IPT dan seterusnya akan disusuli oleh beberapa inisiatif utama dan strategi bagi mencapai matlamat tersebut.


Rentetan itu, IPT menggunakan pendekatan e-pembelajaran dalam dua cara umum: secara dalam talian sepenuhnya atau secara *blended learning*. Di Malaysia, Universiti Terbuka Malaysia (OUM) adalah antara universiti yang telah lama memanfaatkan pendekatan *blended learning* sebagai mod pengajaran utama (Yusup, 2012) dan pendekatan tersebut merupakan antara yang banyak dipraktikkan di IPT Malaysia (Norazah, 2011). Walau bagaimanapun, penggunaan e-pembelajaran di kolej vokasional berada pada tahap yang kurang memuaskan atas beberapa faktor seperti masa, kemudahan infrastruktur dan kurang pendedahan pada sistem e-pembelajaran yang digunakan (Ruzzakiah, Jamaiah & Eliza, 2020).

Terkini, berikutan pandemik COVID-19, KPT mengarahkan semua IPT untuk melaksanakan e-pembelajaran secara penuh. Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pelbagai pihak termasuk staf pentadbiran universiti, staf akademik dan pelajar dalam pelaksanaan e-pembelajaran. Menyedari hal ini, KPT telah memberi beberapa bantuan dan inisiatif kepada para pelajar bagi meringankan beban mereka sepanjang PKP ini. Antaranya, bayaran secara *one-off* sebanyak RM200 kepada semua pelajar IPT, menyediakan Pakej Pelan Data dan Peranti kepada pelajar B40 dan mewujudkan Tabung Prihatin Siswa bagi mempelawa pihak luar menyalurkan bantuan (Sinar Harian, 2021). Sehubungan itu, banyak kajian yang

telah dijalankan tentang pelaksanaan e-pembelajaran di Malaysia semasa pandemik COVID-19 untuk mengetahui keberkesannya dan juga cadangan penambahbaikan.

2.2. E-pembelajaran di KUIPSAS

Pelaksanaan e-pembelajaran di KUIPSAS mengorak langkah pertama susulan daripada pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau *Movement Control Order (MCO) 1.0* pada awal Mac 2020. Institusi ini merancang penggunaan sepenuhnya sistem e-pembelajaran dalam proses PdP semenjak pembukaan semester satu pada awal bulan Julai 2020. Microsoft Teams merupakan platform rasmi e-pembelajaran KUIPSAS, di samping turut menggunakan platform lain seperti Google Meet, Cisco Webex dan Zoom. Oleh kerana sistem e-pembelajaran ini belum pernah dilaksanakan di KUIPSAS, maka banyak cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh para pensyarah dan pelajar. Oleh hal yang demikian kajian ini wajar dilaksanakan bagi melihat sejauh mana pelaksanaan sistem e-pembelajaran di KUIPSAS dan tahap penerimaan pelajar baharu ambilan semester satu bagi sesi akademik 2020/2021.



Gambar 1 Antara Muka Sistem E- Pembelajaran di KUIPSAS

3. Objektif Kajian

Secara umum, kajian ini melihat amalan e-pembelajaran yang digunakan dalam kalangan mahasiswa semester satu KUIPSAS. Secara khusus, kajian ini memantau e-pembelajaran daripada aspek berikut:

- (1) Kesedaran terhadap konsep e-pembelajaran dalam sistem pengajaran dan pembelajaran ketika pandemik.
- (2). Penerimaan penggunaan e-pembelajaran dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran dalam situasi pandemik.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Kajian ini turut menggunakan kaedah *non-probability* kerana tujuan kajian bukan untuk digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi. Sebaliknya, kajian ini lebih berbentuk kajian deskriptif yang bertujuan memberikan gambaran awal tentang kesediaan penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan mahasiswa. Responden kajian terdiri daripada 198 orang yang terdiri daripada mahasiswa Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) bagi sesi pengajian tahun akademik 2020/2021. Jumlah responden adalah sangat relevan dan menepati unjuran yang telah dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) dalam menentukan saiz persampelan kajian. Mereka terdiri daripada mahasiswa semester satu yang mengikuti program Asasi Sains Kemanusiaan, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda daripada pelbagai bidang pengajian. Pengkaji menggunakan instrumen soal selidik bagi tujuan pengumpulan data. Borang soal selidik telah diedarkan kepada kumpulan target melalui pelantar *Google Form*. Sebanyak 198 borang soal selidik telah berjaya dikumpulkan mengikut program pengajian. Analisis kuantitatif menggunakan program SPSS (Statistical Package for Social Sciences) perisian SPSS versi 20 digunakan dalam kajian ini.

Set soal selidik diolah daripada kajian Abdul Halim dan Mohini (2007) dengan melakukan sedikit pengubahsuaian kepada beberapa item supaya disesuaikan dengan objektif kajian. Soal selidik ini mengandungi lima bahagian utama; bahagian A terdiri daripada maklumat demografi responden manakala bahagian B, C, D dan E terdiri daripada item-item yang diklasifikasikan mengikut tema kajian. Kesemua item dalam soal selidik ini menggunakan skala 5-Likert iaitu 5 (amat setuju), 4 (setuju), 3 (neutral), 2 (tidak setuju), dan 1 (sangat tidak setuju). Responden memberi maklum balas mengenai penerimaan *e-learning* mereka dengan memberi penilaian kepada 49 item dengan menggunakan skala 5 Likert. Nilai Alpha Cronbach bagi soal selidik ini adalah tinggi iaitu 0.967 bagi keseluruhan item.

5. Dapatan Kajian

Kesemua 198 responden merupakan mahasiswa KUIPSAS semester satu di peringkat pengajian Asasi Sains Kemanusiaan, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Responden terdiri daripada 64.6% pelajar perempuan dan 35.4% adalah pelajar lelaki. Kesemua responden juga tidak pernah mengikuti kursus-kursus pembelajaran dalam talian. Berikut merupakan ringkasan dapatan kajian yang telah dikategorikan kepada empat faktor penerimaan pelajar iaitu: 1) ciri pensyarah, 2) ciri pelajar, 3) teknologi, dan 4) sokongan.

5.1. Faktor ciri pensyarah

Jadual 1 menunjukkan analisis pada item-item konstruk yang melibatkan faktor ciri-ciri pensyarah. 13 item yang mewakili ciri-ciri pensyarah telah disenaraikan dan item “pensyarah ikhlas dalam memberikan bimbingan terhadap pelajar” telah menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.65, diikuti item “pensyarah mudah mesra terhadap pelajar” dengan nilai min 4.48 dan “pelajar berasa dialu-alukan untuk meminta nasihat dan bantuan” 4.46. Manakala, purata min keseluruhan pula menunjukkan item-item konstruk ini berada pada tahap yang tinggi iaitu min = 4.1. Dapatan kajian mendapati faktor pensyarah amat mempengaruhi penerimaan dan kesediaan pembelajaran dalam talian dalam kalangan mahasiswa baharu KUIPSAS pada musim pandemik COVID-19.

Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa faktor ciri pensyarah lebih mempengaruhi penerimaan pelajar berdasarkan nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.1. Ini menunjukkan bahawa pelajar memberi pandangan yang sangat positif terhadap teknik pelaksanaan PdP yang digunakan oleh para pensyarah. Nilai dan amalan pengajaran yang baik yang dilaksanakan para pensyarah seperti ikhlas, mengalu-alukan pelajar, mudah mesra, menggalakkan pelajar bertanya soalan dan lain-lain sangat memberikan kesan positif pada pelajar-pelajar. Sikap dan nilai baik yang ditunjukkan pensyarah amat membantu pelajar kerana ia melibatkan nilai emosi terutamanya ketika musim pandemik yang kita sedia ketahui sangat memberikan tekanan kepada semua pihak. Perubahan drastik daripada pembelajaran secara nyata kepada maya juga amat mempengaruhi emosi pelajar dan pensyarah yang juga perlu menyesuaikan keadaan dengan norma baharu. Justeru, nilai empati dan sikap toleransi perlu wujud dalam diri pensyarah terutamanya bagi menyokong pembelajaran dalam talian. Pensyarah juga perlu bijak memilih kaedah atau medium pengajaran agar tidak membebankan pelajar kerana tidak semua pelajar mempunyai latar belakang atau kemampuan yang sama untuk menjalani pembelajaran secara dalam talian. Pemilihan dan perancangan pendidik dalam menentukan pendekatan, kaedah, teknik dan aktiviti dalam sesuatu pengajaran bagi mencapai objektif dikatakan sebagai strategi pengajaran (Ismail, 2012). Menerusi analisis ini didapati bahawa pensyarah-pensyarah KUIPSAS telah menerapkan amalan pengajaran dan menunjukkan nilai yang baik yang dapat membantu sesi PdP bersama pelajar.

Jadual 1: Faktor ciri pensyarah

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Kami digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang disediakan dalam medium <i>e-learning</i> .	3.8687	.87430
2. Pensyarah ikhlas dalam memberikan bimbingan terhadap pelajar.	4.6566	.55484
3. Pelajar berasa dialu-alukan untuk meminta nasihat dan bantuan.	4.4697	.73808
4. Pensyarah menggalakkan dan memotivasikan kami untuk menggunakan <i>e-learning</i> .	4.0455	.88585
5. Pensyarah menggalakkan interaksi pelajar dalam <i>e-learning</i> .	4.1162	.89081
6. Pensyarah mudah mesra terhadap pelajar.	4.4899	.75897
7. Saya berasakan bahawa pensyarah berasa sangat gembira sekiranya saya menggunakan <i>e-learning</i> .	3.6970	.96596

Jadual 1: Faktor ciri pensyarah (*sambungan*)

Item	Min	Sisihan Piawai
------	-----	----------------

8. Pensyarah aktif dalam mengajar melalui platform <i>e-learning</i> .	4.1566	.85540
9. Cara persembahan pensyarah menarik minat saya.	4.0960	.87601
10. Kami digalakkan untuk bertanyakan soalan dalam <i>e-learning</i> .	4.2424	.78812
11. Pensyarah menguruskan unit-unit <i>e-learning</i> dengan berkesan.	4.1364	.85887
12. Pensyarah menerangkan bagaimana untuk menggunakan komponen-komponen dalam <i>e-learning</i> .	4.0505	.88843
13. Pensyarah bersemangat untuk menggunakan <i>e-learning</i> dalam sesi pengajaran beliau.	4.1919	.78277

Manakala Jadual 2 pula menunjukkan persepsi pelajar dari aspek ciri-ciri pelajar. Item yang menunjukkan min tertinggi adalah pada item “mencari nota-nota tambahan” dan “kandungan yang disediakan di dalam *e-learning* adalah berkaitan dengan mata pelajaran” dengan memperoleh nilai min 4.8. Purata min keseluruhan juga adalah tinggi iaitu 3.8. Ini menunjukkan persediaan pelajar yang baik dari segi fizikal dan mental juga memberi impak positif terhadap pembelajaran dalam talian. Kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan Ngampornchai dan Adams (2016) yang mana dalam kajian mereka menunjukkan bahawa faktor ciri pengawalseliaan diri yang baik dapat memberikan impak positif terhadap penerimaan pembelajaran secara e-pembelajaran. Secara terperinci pelajar yang mampu berdisiplin, memberikan kerjasama kepada pensyarah dan rakan-rakan dan membuat persediaan diri dapat mempelajari dan mengikuti pelajaran secara dalam talian dengan lebih mudah. Daripada kajian ini menunjukkan pelajar-pelajar KUIPSAS merupakan pelajar yang bersedia dan positif menerima perubahan pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran secara dalam talian.

Jadual 2 : Faktor ciri pelajar

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya menggunakan komputer peribadi untuk membuat kerja dan bermain.	4.0808	1.15918
2. Saya seronok menggunakan komputer peribadi.	4.2071	1.10032
3. Pengalaman lalu saya dalam menggunakan komputer peribadi dan aplikasi perisian membantu saya dalam <i>e-learning</i> .	3.8586	1.14449

Jadual 2 : Faktor ciri pelajar (*sambungan*)

Item	Min	Sisihan Piawai
4. Saya mahir menggunakan komputer peribadi dan aplikasi-aplikasi perisian sebelum saya	3.2374	1.18331

diperkenalkan dengan <i>e-learning</i> .		1.03495
5. Saya bukan sahaja membaca tetapi saya juga turut menyertai ruangan forum yang disediakan.	3.7071	
6. Kandungan yang disediakan di dalam <i>e-learning</i> adalah berkaitan dengan mata pelajaran tersebut.	4.2778	.83612
7. Mudah untuk saya meneroka laman web tersebut.	3.9899	1.01256
8. Pensyarah turut melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan forum.	4.1919	.76969
9. <i>E-learning</i> menggalakkan saya untuk melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan.	3.9141	.92220
10. <i>E-learning</i> menggalakkan saya untuk mencari nota-nota tambahan.	4.2879	.82656
11. Mudah untuk saya memahami struktur-struktur dalam komponen <i>e-learning</i> .	3.6717	1.05113
12. Komponen-komponen dalam <i>e-learning</i> tersedia sepanjang masa.	4.0657	.89029
13. Arahan-arahan yang diberikan dalam <i>e-learning</i> adalah lebih jelas.	3.5556	1.01983
14. Saya lebih suka belajar dengan melibatkan diri dan mengambil bahagian dalam <i>e-learning</i> .	3.4899	1.09794
15. Saya lebih suka belajar dengan mendengar dan menyerap	3.6212	1.14571
16. Saya lebih suka belajar dengan melibatkan diri secara aktif daripada hanya membaca dan menyerap.	4.1313	.89154
17. Pensyarah yang memulakan topik perbincangan dalam forum.	4.2121	.82809
18. Material-material dalam <i>e-learning</i> disediakan pada waktu yang sepatutnya	4.1717	.83137
19. Saya berpendapat reka bentuk komponen <i>e-learning</i> bagus.	3.8485	.97025

Jadual 2 : Faktor ciri pelajar (*sambungan*)

Item	Min	Sisihan Piawai
20. Pelajar yang memulakan topik perbincangan dalam forum	3.5152	.99607

21. Saya hanya membaca mesej-mesej dalam ruangan perbincangan.	3.4596	1.14257
--	--------	---------

5.2. Faktor teknologi

Jadual 3 merupakan 10 item bagi faktor teknologi yang telah disenaraikan. Aspek faktor teknologi pula menunjukkan kebanyakan item memperoleh min 4.0 dan kebawah kecuali pada item kedua iaitu “maklumat *e-learning* disusun dan dipersembahkan dengan baik” yang memperoleh min 4.0. Terdapat empat item yang memperoleh min 3.8 iaitu “maklumat disusun dan dipersembahkan dengan baik.”, “reka bentuk skrin memudahkan saya”, “mudah untuk mengakses internet di dalam kampus.” dan “dapat menghubungi pensyarah dengan mudah melalui platform *e-learning* tersebut”. Pada bahagian ini dapat dikenal pasti bahawa faktor teknologi juga sangat mempengaruhi penerimaan pelajar KUIPSAS dalam pembelajaran alam maya. Pelajar-pelajar memberikan pandangan yang positif dan mereka bersedia dalam menjalankan PdP secara atas talian dengan mempunyai peralatan dan kemudahan teknologi yang baik. Manakala, rumusan daripada faktor teknologi pula menunjukkan bahawa mempunyai peralatan teknologi yang baik juga sangat membantu dalam proses pembelajaran dalam talian.

Jadual 3: Faktor teknologi

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya boleh mengakses internet di rumah untuk membuka <i>e-learning</i> .	3.7273	1.11125
2. Maklumat disusun dan dipersembahkan dengan baik.	4.0000	.92347
3. Secara keseluruhannya, kemudahan teknologi maklumat adalah berkesan	3.8131	1.05216
4. Saya mendapati reka bentuk skrin memudahkan saya.	3.8131	1.01283
5. Saya boleh berinteraksi dengan rakan sekuliah melalui laman web tersebut.	3.9343	1.02790
6. Saya mempercayai rangkaian komputer.	3.6667	1.05195
7. Mudah untuk mengakses internet di dalam kampus.	3.8485	1.02619
8. Saya dapat menghubungi pensyarah dengan mudah melalui platform <i>e-learning</i> tersebut.	3.8081	1.02434
9. Tidak menghadapi masalah dalam browse internet.	3.1010	1.20485

Jadual 3: Faktor teknologi (*sambungan*)

Item	Min	Sisihan Piawai
10. Kelajuan semasa <i>browsing</i> internet memuaskan.	3.1818	1.11623

5.3. Faktor Sokongan

Jadual 4 pula menunjukkan analisis daripada aspek faktor sokongan. Daripada aspek ini item “sokongan yang bagus oleh pihak universiti terhadap *e-learning*” memperoleh nilai min yang tertinggi iaitu 3.8. Seterusnya diikuti oleh item “boleh mencetak tugas dan material-material lain dengan mudah” dan “terdapat komputer yang mencukupi untuk digunakan” iaitu sebanyak 3.7. Nilai min terendah dicatatkan oleh item ketiga iaitu “Saya boleh mendapatkan sokongan teknikal daripada juruteknik sekiranya mempunyai masalah *e-learning*” iaitu sebanyak 3.4. Rumusannya, didapati bahawa faktor sokongan juga menyumbang kepada tahap penerimaan dan persediaan pelajar terhadap pembelajaran dalam talian dan berada pada tahap memuaskan.

Jadual 4: Faktor Sokongan

Item	Min	Sisihan Piawai
1. Saya boleh mengakses laman web perpustakaan dan mencari material.	3.5354	1.05977
2. Saya berasa sokongan universiti terhadap <i>e-learning</i> bagus	3.8232	.96858
3. Saya boleh mendapatkan sokongan teknikal daripada juruteknik sekiranya mempunyai masalah <i>e-learning</i> .	3.4899	1.13879
4. Saya boleh mencetak tugas dan material-material lain dengan mudah.	3.7273	1.04048
5. Terdapat komputer yang mencukupi untuk digunakan	3.7071	1.17290

6. Kesimpulan

Kajian tinjauan ini yang menilai faktor penerimaan dan kesediaan pembelajaran dalam talian dalam kalangan mahasiswa baharu KUIPSAS pada musim pandemik COVID-19 menunjukkan bahawa faktor pensyarah telah menyumbang kepada purata nilai min yang tertinggi dibandingkan dengan faktor-faktor lain. Kemudian diikuti oleh faktor ciri pelajar, teknologi dan sokongan. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan dan kesediaan pelajar dalam mengikuti sistem pembelajaran secara dalam talian adalah pada tahap memuaskan. Namun, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian secara mod penuh. Adaptasi sistem pengajian juga menjadi fokus utama dalam penerimaan pelajar terhadap e-pembelajaran. Menurut kajian yang dijalankan oleh Tanveer, Bhaumik, Shafiqul dan Ikram (2020) mendapati bahawa kualiti pembelajaran secara maya menghadapi masalah apabila pelajar sukar mengadaptasi dan memahami subjek yang diajar kerana kurangnya pengalaman menjalani pembelajaran secara dalam talian. Tidak dinafikan kekangan dan masalah seperti ini mudah terjadi kerana pelajar tidak dapat bersemuka secara langsung dengan pensyarah. Tambahan pula jika terdapatnya masalah capaian internet atau pelajar yang tidak dapat dihubungi. Justeru, pada hakikatnya, semua pihak termasuk pelajar, pensyarah dan juga pihak universiti sangat memainkan peranan dalam memastikan kelancaran pembelajaran secara dalam talian. Jika salah satu pihak tidak

memainkan peranan yang baik, maka proses pembelajaran tidak dapat dijalankan dan objektif pembelajaran tidak akan dapat dicapai. Kajian juga mendapati bahawa pendedahan pelajar pertama kali terhadap pembelajaran secara dalam talian dengan mod penuh memberikan impak kepada penerimaan mereka dari segenap aspek seperti sosial, suasana pembelajaran, kemahiran teknologi dan sebagainya.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada para pensyarah dan mahasiswa KUIPSAS atas penglibatan dan kerjasama yang diberikan dalam menyempurnakan kajian ini.

Rujukan

- Abas, H. (2020). Memanfaatkan E-Pembelajaran Ketika Pandemi Covid-19. Diperoleh daripada <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1843907>
- Abbey, B. (2000). *Instructional and Cognitive Impacts of Web-Based Education*. London Idea Group Publishing.
- Abdul Halim, A. & Mohini, M. (2007). Faktor-Faktor Penerimaan Pembelajaran Secara e-Learning di Kalangan Mahasiswa Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Prosiding Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Institut Pengajian Tinggi (CTLHE07)*. Universiti Putra Malaysia.
- Abdul Halim, N. A. H. & Adnan, N. H. (2020). Implementasi Video Pengajaran dalam Pembelajaran HTML Melalui Massive Open Online Courses (MOOCs). *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2 (2), 205-212.
- Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat. (2016). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar di Institut. *Jurnal Penyelidikan IPGK*. 13, 1-14. Diperoleh daripada <http://www.ipbl.edu.my/portal/penyelidikan/jurnalpapers/jurnal2016/Agatha.pdf>
- Astro Awani. (2020, Mei 7). *Pendidikan Tinggi di Malaysia Pasca COVID-19: Perubahan dalam Kesenambungan*. Diperoleh daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pendidikan-tinggi-di-malaysia-pasca-covid-19-perubahan-dalam-kesinambungan-241929>.
- Carey, K. (2020). *Is Everybody Ready for The Big Migration to Online College? Actually, No*. The New York Times. Retrieved from <https://www.nytimes.com>
- D. Pietro, G. (2020). *The Likely Impact Of COVID-19 on Education: Reflections Based on The Existing Literature and Recent International Datasets*.
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A panacea in The Time of Covid-19 Crisis, *Journal of Educational Technology Systems*. 49 (1), 5-22. Retrieved from <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/0047239520934018>
- Hashim, Y. (2012) *Penggunaan e-Pembelajaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan*. In: *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG)*. Diperoleh daripada <http://ur.aeu.edu.my/id/eprint/451>
- Ismail Suardi Wekke. (2012). *Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Pesantren Immim Makassar, Indonesia*. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM: Bangi.
- Jenal, R., Thangaiah, E. A., Yahaya, J., (2020). *Penerokaan Penggunaan E-Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar dan Pengajar TVET – Satu Kajian Awal*. *Akademika* 90 (Isu Khas 3), 5-18.
- Mohd Nordin, N., Embi, M. A., Abdul Wahab, Z. (2011). *Integration of e-Learning in Teaching and Learning in Malaysian Higher Education Institutions*. In Embi, M. A., *e-Learning in Malaysian Higher Education Institutions: Status, Trends & Challenges* (pp81-98). Department of Higher Education.
- Ngampornchai, A. & Adams, J. (2016). Students' Acceptance and Readiness for E-learning in Northeastern Thailand. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*. 13 (34). Retrieved from <https://educationaltechnologyjournal.springeropen.com/>
- Nur Amanina, A. H. & Mohd Jasmy, A. R. (2021). Penerimaan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Terhadap Pembelajaran dalam Talian: Tinjauan di Daerah Muallim Perak. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3 (2), 164-173, <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/13509>
- Oliver, M. (2014). Online Learning Helps Prepare Pupils for University. *Education Journal*. 218, 12–15.
- Quacquarelli Symonds (QS). (2020). *The Impact of the Coronavirus on Global Higher Education*. <https://www.qs.com/portfolio/>.
- Rubiah, O. & Jamilah Hj. A. (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1), 155 – 172. Diperoleh daripada <http://journalarticle.ukm.my/215/1/1.pdf>.

- Sinar Harian. (2021, Januari 26). *KPT Usaha Sediakan Kemudahan Kepada Pelajar IPT*. Diperoleh daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/121010/BERITA/Nasional/KPT-usaha-sediakan-kemudahan-kepada-pelajar-IPT>
- Tanveer, M., Bhaumik, A., Hassan, S., & Ul Haq, I. (2020). Covid-19 Pandemic, Outbreak Educational Sector and Students Online Learning in Saudi Arabia. *Journal of Entrepreneurship Education*. 23(3).
- UNESCO. (2020). *Education in A Post-Covid World: Nine Ideas for Public Action*. International Commission on the futures of education.
- Wahab, A. (2020). *Online and Remote Learning in Higher Education Institutes: A Necessity in light of COVID-19 Pandemic*. Higher Education Studies. Canadian Center of Science and Education. 10(3).